

PAKAIAN PEJABAT WANITA ISLAM DI MALAYSIA
KHUSUS DI SEKITAR KUALA LUMPUR

OLEH:

FADZILAH BT. PAIMIN

JABATAN SENIREKA FESYEN

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SELANGOR DARULEHSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka,
Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

Ketua Kajian,
Kajian Senilukis dan Senireka,
Institut Teknologi MARA,
Shah Alam 40450,
Selangor Darulehsan.

P E N G H A R G A A 'N
DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG

Alhamdulilah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t di atas kurnia dan keredhaannya dalam memberikan kekuatan, petunjuk dan kesabaran di sepanjang pengajian dan semasa menyempurnakan tesis ini.

Ucapan ribuan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Penasihat saya, Cik Kalsom Muda di atas tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat di sepanjang penulisan tesis ini. Juga kepada pensyarah Kajian Senilukis dan Senireka, kakitangan Jabatan Perdana Menteri, kakitangan di Pusat Islam, Kuala Lumpur dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Arkib Negara, Muzium Negara, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi Mara, juga kepada orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya. Begitu juga kepada semua sahabat saya yang banyak memberikan dorongan serta galakan.

PENDAHULUAN

"Satu diantara pesan Rasulullah s.a.w kepada umatnya yang terdahulu adalah yang paling baik diantara kamu ialah yang bersikap baik kepada keluarganya. Tidak ada yang menghormati wanita, kecuali orang yang terhormat (mulia hati) dan tidak ada yang menghinakan wanita kecuali orang yang hina perangainya".

Hadis riwayat Ibnu Asakin.

Dari hadis di atas dapatlah dinyatakan bahawa Nabi Mohd. s.a.w telah berpesan kepada umatnya supaya menghormati wanita dan jangan menghinakannya. Ini semua adalah untuk menjaga dan memelihara maruah wanita.

Perjalanan hidup dan nasib wanita telah kita ikuti dalam sejarah. Tidak ada satu pun bangsa atau kaum yang dapat melepaskan diri dari keterlibatannya terhadap masalah wanita. Bahkan agama pun dari pandangan pemikir-pemikir agama juga menampakkan identiti khas daripada agama yang bersangkutan terhadap wanita.

Di negara kita, kini mulai sibuk dengan persoalan-persoalan

PENGENALAN

Dalam abad ke lapan dan sembilan masihi, pengembara-pengembara dan saudagar-saudagar Arab dan Parsi juga India bertumpu di gugusan pulau-pulau Melayu untuk melakukan lawatan dan perniagaan di Sri Wijaya yang berada di puncak kejayaan dan kegemilangannya pada waktu itu. Diantara mereka itu ada yang singgah sekadar bermiaga dan ada juga yang menetap dan bersemenda dalam masyarakat Melayu. Secara beransur-ansur mereka ini telah mengislamkan penduduk-penduduk kawasan tersebut.

Catatan sejarah menunjukkan bahawa alam melayu telah mengenal agama Islam sejak kurun permulaan Hijrah iaitu merupakan peringkat permulaan pengenalan kearah satu proses penyebaran agama Islam yang meluas. Cuma pengajaran Islam secara berencana dan beramai-ramai sahaja berlaku dikurun ke 13 masihi apabila lahir Kerajaan Pasai.

Dari Pasai telah berkembang ke Melaka. Penduduk Melaka mempeluk Islam setelah rajanya Parameswara berkahwin dengan puteri Pasai pada tahun 1419. Melaka memainkan peranan penting bagi penyebaran Islam di Tanah Melayu dan juga ke Pulau Jawa. Islam semakin tersebar dengan perkahwinan yang

dijalankan diantara saudagar-saudagar Islam yang bermiaga^{*}
di kantau ini dengan wanita-wanita tempatan dimana saudagar
itu akan terus menetap disini dan Islam pula menjadi turunan
kepada jenerasi-jenerasi baru dan seterusnya. Faktor-faktur
penyebaran agama Islam yang paling berkesan adalah melalui
penaklukan dan juga melalui perkahwinan dan ini telah ter-
bukti di zaman Nabi dan juga zaman berikutnya.¹

Bermula dari situlah agama Islam telah berkembang di Tanah Melayu yang mana dahulunya Tanah Melayu telah menerima ajaran agama Buddha, Kristian dan agama-agama yang lain. Sebelum Tanah Melayu dikenali sebagai Malaysia sekarang ini, penduduk-penduduknya masih lagi belum beragama dan masih tercari-cari agama yang sebenarnya, mereka telah mengamalkan semangat pada pokok-pokok, kepercayaan terhadap sesuatu yang luar biasa dan juga cahaya di mana kepercayaan-kepercayaan ini masih ada lagi hingga ke hari ini terutamanya kepada penduduk-penduduk di kampung.

Dengan kedatangan agama Islam, telah menaikkan lagi taraf wanita hingga kesatu taraf yang paling tinggi. Hinggakan

¹ Drs. Hanafiah Sudin, Islam di Semenanjung Malaysia - Di Melaka atau Terengganu?, Al-Islam Mei 1984, m.s 57.